

KERTAS MAKLUMAN GARIS PANDUAN PELUPUSAN REKOD MENGANDUNGI AYAT AL-QURAN DI JKSM/JKSN/MSN

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Kertas ini dikemukakan bagi memaklumkan berkenaan dengan garis panduan berkaitan dengan pelupusan rekod atau dokumen yang mengandungi ayat Al-Quran sebagai panduan untuk diselaraskan di JKSM/JKSN dan MSN.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Secara umumnya, tatacara pelupusan rekod awam adalah tertakluk kepada Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Urusan Am dan Fungsian seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak Arkib Negara Malaysia. Rekod akan dilupuskan setelah tamat tindakan dan memenuhi tempoh penyimpanan yang telah ditetapkan dalam Jadual Pelupusan Rekod.

2.2 Berdasarkan semakan, terdapat banyak rekod di JKSM/JKSN dan MSN terutamanya fail fungsian yang dilupuskan mengandungi ayat Al-Quran. Antaranya, otoriti dalam penghujahan bertulis pihak-pihak di Mahkamah Syariah, deraf alasan penghakiman dan sebagainya. Justeru, rekod-rekod ini perlu dilupuskan mengikut kaedah yang sewajarnya agar kemuliaan dan kesucian Al-Quran dapat dipelihara.

2.3 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992 telah membincangkan Pelupusan Al-Quran. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- (a) Al-Quran yang rosak, koyak, yang tidak lagi boleh dibaca dan yang bukan resam Uthmani hendaklah dilupuskan.
- (b) Kaedah pelupusan ialah dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam ditempat yang dikawal.

- (c) Kerja-kerja pelupusan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Urusetia atau Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Dan dilakukan dengan cara tersembunyi demi mengelakkan salah faham orang ramai.

3.0 TAKRIFAN

3.1 Takrifan dalam garis panduan ini melainkan jika konteksnya mengenai makna yang lain:

“Ayat Al-Quran” – ertinya mana-mana bahagian ayat Al-Quran dalam Bahasa Arab. (Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986, Akta 326)

“Bahan Al-Quran” – ertinya sesuatu dokumen yang mengandungi mana-mana ayat Al-Quran, selain daripada suatu ‘teks Al-Quran’ sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen ini. (Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986, Akta 326)

“Pemusnahan”- ertinya perbuatan memusnahkan atau menghapuskan apa-apa jenis rekod dengan napa-apa cara. (Akta Arkib Negara 2003, Akta 629)

“Pelupusan” – ertinya cara menguruskan pengasingan rekod dengan tujuan pemusnahan, pemindahan atau selainnya. (Akta Arkib Negara 2003, Akta 629)

“Rekod”- ertinya bahan dalam bentuk bertulis atau bentuk lain yang menyatakan fakta atau peristiwa atau selainnya merakamkan maklumat dan termasuklah kertas, dokumen, daftar, bahan bercetak, buku, peta, pelan, lukisan, gambar foto, mikrofilem, filem sinematografi, rakaman bunyi, rekod yang dihasilkan secara elektronik tanpa mengira bentuk atau ciri-ciri fizikal dan apa-apa salinannya. (Akta Arkib Negara 2003, Akta 629)

“Teks Al-Quran” ertinya sesuatu dokumen yang mengandungi teks bahasa Arab yang lengkap bagi Al-Qur’an atau mana-mana bahagiannya yang mengandungi satu juzu’ atau lebih sama ada dengan terjemahan atau tafsiran atau tidak, mengikut mana-mana yang berkenaan. (Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986, Akta 326)

4.0 TATACARA PELUPUSAN REKOD MENGANDUNGI AYAT AL-QURAN

4.1 Prosedur pelupusan rekod fungsian (Fail Kes) perlu dilaksanakan dengan mematuhi tempoh penyimpanan dan peraturan yang ditetapkan dalam Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian JKSM 2020.

4.2 Rekod/ dokumen yang telah mendapat kebenaran untuk pelupusan dan mengandungi ayat Al-Quran perlu dikumpul secara berasingan daripada rekod/ dokumen biasa.

4.3 Rekod/ dokumen yang dikumpul perlu proses pengasingan sebelum dibuat penyerahan bagi tujuan pemusnahan. Sekiranya hanya sebahagian muka surat/ bahan sahaja mengandungi ayat Al-Quran, bahagian tersebut hendaklah dipotong dan diasingkan.

4.4 Rekod/ dokumen mengandungi ayat Al-Quran yang telah diasingkan perlu diserahkan kepada pihak yang berautoriti (Jabatan Agama Islam/ Pihak berkaitan) untuk dimusnahkan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh pihak berkenaan.

4.5 Termasuk dalam Garis Panduan ini ialah hadis-hadis nabi dan doa-doa yang mengandungi gabungan ayat-ayat Al-Quran atau nama-nama Allah di dalamnya.


5.0 CARTA ALIR

5.1 Seperti di Lampiran

6.0 SYOR

6.1 Adalah disyorkan agar kertas cadangan ini mendapat maklum balas bagi Garis Panduan ini digunapakai oleh semua pegawai dan kakitangan yang menguruskan fail kes di JKSM/JKSN/MSN.

CARTA ALIRAN PELUPUSAN AYAT QURAN DI PERINGKAT
PENGUMPULAN



CARTA ALIRAN PELUPUSAN AYAT QURAN DI PERINGKAT

PENGASINGAN



Terima barang/Dokumen.



Kenalpasti barang/dokumen mengikut klasifikasi yang ditetapkan.



Menjalankan kerja-kerja proses pengasingan barang/dokumen.



Barang/dokumen yang telah diasing disimpan di tempat yang telah dikelaskan



Selesai

CARTA ALIRAN PELUPUSAN AYAT QURAN DI PERINGKAT

PELUPUSAN

